



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

**TEKS UCAPAN MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM SATELIT  
TEKNOLOGI NUKLEAR SANTUNI KASIH RAKYAT SEMPENA  
PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 KELANTAN**

**OLEH**

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMMAD YUSOF BIN APDAL,**

**TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**PADA**

**8 OGOS 2025 (JUMAAT) | 11:00 PAGI**

**JETI KASIH, KG. PASIR PEKAN TENGAH, TUMPAT KELANTAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

**[Senarai salutasi terkini akan diletakkan di rostrum]**

Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**

Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

**YANG BERUSAHA PUAN FARAH ADURA BINTI HAMIDI**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

**YANG BERBAHAGIA DATUK TS. DR. MOHD NOR AZMAN BIN HASSAN**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

**YANG BERUSAHA PUAN RUZIAH BINTI SHAFEI**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

**YANG BERUSAHA DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN**

Timbalan Ketua Pengarah

Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi

Agensi Nuklear Malaysia

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Masyarakat

Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan sidang hadirin yang  
dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang berbahagia ini, dalam **Majlis Perasmian Penutupan Program Satelit “Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat”** sempena Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Kelantan yang diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk, Dr, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sudi hadir untuk bersama-sama menjayakan **Program Satelit “Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat”**.
3. Program Satelit ini **dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia** dengan kerjasama rakan kolaborasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Persatuan Pemilik Bot dan Rakit Pasir Pekan. Jutaan tahniah diucapkan atas kejayaan penganjuran yang cukup bermakna ini.

4. **Tema “Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat”** amat bertepatan dengan aspirasi Malaysia MADANI. Ia memberikan mesej yang jelas bahawa teknologi nuklear bukan lagi dalam kalangan golongan tertentu tetapi untuk disampaikan dan dimanfaatkan oleh seluruh rakyat. Program MADANI Rakyat 2025 merupakan manifestasi komitmen kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan dan manfaat kemajuan sains, teknologi dan inovasi khususnya kepada semua rakyat tanpa mengira lokasi, kaum maupun latar belakang sosio-ekonomi.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

5. Teknologi nuklear bukanlah sesuatu yang perlu ditakuti, tetapi patut dihargai sebagai teknologi yang menyumbang besar kepada peningkatan kualiti hidup rakyat. Sedar atau tidak, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, di Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia telah membangunkan dan menyediakan pelbagai produk serta perkhidmatan berdasarkan teknologi nuklear yang selamat, berimpak tinggi dan memberi manfaat langsung kepada rakyat, antaranya:

- **Bidang perubatan:** Untuk rawatan kanser dan diagnosis penyakit melalui radioisotop perubatan seperti Tc-99m (Technicium-99m). Nuklear Malaysia juga menyediakan khidmat kalibrasi dan pengesahan dosimetri untuk memastikan keselamatan pesakit dalam rawatan radioterapi.
- **Bidang pertanian:** dalam pembangunan varieti tanaman baharu yang lebih tahan penyakit melalui teknik mutasi teraruh (induced mutation), contohnya seperti padi varieti NMR 152 yang dibangunkan oleh Agensi Nuklear Malaysia telah menyumbangkan kepada peningkatan hasil dan ketahanan tanaman, sekaligus memberi manfaat kepada pesawah.
- **Bidang industri:** Kawalan kualiti dan keselamatan melalui pembangunan produk baharu seperti NuRust (pelindung karat), khidmat ujian tanpa musnah (NDT), radiotracer telah membantu industri minyak dan gas negara seperti Petronas dan Shell dan banyak lagi.
- **Bidang alam sekitar:** Dalam pemantauan pencemaran dan pengurusan sisa menerusi sistem

pengawasan radiologi alam sekitar, analisis air dan udara, serta pembangunan teknologi pengurusan sisa seperti teknologi vitrifikasi dan rawatan sisa radioaktif perindustrian.

6. Agensi Nuklear Malaysia turut menjalankan kerjasama erat dengan universiti-universiti dan pihak industri, termasuk pemain utama dalam bidang perubatan seperti hospital-hospital kerajaan dan swasta. Usaha ini bertujuan memastikan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berkualiti dan berimpak tinggi dapat diterjemahkan secara langsung kepada aplikasi sebenar serta sampai kepada pengguna akhir. Secara tidak langsung, ia juga memastikan kepakaran dalam teknologi nuklear terus menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia secara menyeluruh.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

7. Pemilihan Kelantan sebagai destinasi program satelit ini sangat signifikan. Negeri ini bukan sahaja kaya dengan warisan budaya dan tradisi, tetapi juga mempunyai potensi besar dalam mendepani era teknologi moden.

8. MOSTI selaku kementerian peneraju bagi Program Madani Rakyat 2025 edisi Kelantan mengetengahkan pelbagai pengisian berteraskan teknologi dan inovasi, sejajar dengan fokus ke arah kemajuan digital negara. Pada kali ini, MOSTI membawakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) terus ke lapangan agar rakyat Kelantan dapat alami sendiri bagaimana teknologi boleh membantu menyelesaikan isu tempatan dan memberi manfaat kepada kehidupan seharian kita.
9. Melalui program ini, kita mahu menyemarakkan minat generasi muda khususnya anak muda Kelantan terhadap bidang sains dan teknologi serta memberi pendedahan awal bahawa mereka juga mampu menjadi penyumbang kepada pembangunan negara berdasarkan teknologi tinggi.
10. Program MADANI Rakyat 2025 edisi Kelantan yang dibawakan oleh MOSTI pada kali ini, bukan sahaja sebagai medan pameran teknologi, malah turut menjadi saluran penting dalam merapatkan jurang antara dasar kerajaan dan rakyat menerusi pendekatan yang inklusif dan berimpak tinggi.

11. MOSTI bersama-sama dengan agensi-agensi di bawahnya termasuk Agensi Nuklear Malaysia akan terus memperluaskan inisiatif seumpama ini agar manfaat teknologi dapat dinikmati oleh rakyat di seluruh pelosok negara. Kita mahu memastikan setiap rakyat Malaysia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dapat merasai faedah daripada pelaburan negara dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

12. Kemajuan sesebuah negara tidak hanya bergantung kepada kekuatan ekonomi, tetapi juga kepada penguasaan dalam ilmu pengetahuan, sains dan teknologi. Namun, teknologi tanpa nilai kemanusiaan adalah kosong. Oleh itu, kita mesti seiringkan pembangunan teknologi dengan nilai-nilai MADANI seperti ihsan, hormat dan kesejahteraan.

13. Marilah kita bersama-sama membangunkan Malaysia yang lebih cemerlang dalam pencapaian teknologi, serta kukuh dalam jati diri, budaya dan nilai-nilai murni sebagai rakyat Malaysia yang bersatu padu.

14. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Agensi Nuklear Malaysia** atas perancangan dan pelaksanaan program ini yang telah dijalankan dengan cemerlang. Penghargaan juga ditujukan kepada **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)** serta **Persatuan Pemilik Bot dan Rakit Pasir Pekan** atas sokongan dan kerjasama padu yang diberikan. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih kepada masyarakat setempat yang menyambut baik program ini dengan semangat dan keterbukaan yang amat membanggakan.

15. Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Penutupan Program **Satelit Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat** sempena Program **MADANI Rakyat 2025 Kelantan**.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.